

Kenyataan Dasar
Autoriti Monetari Brunei Darussalam
1/2017

Tarikh: 19 Zulkaedah 1438H/ 10 Ogos 2017M

Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau

1. Ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana. Pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dijangkakan bertambah baik pada suku kedua 2017 berikutan prestasi di bawah tren pada suku pertama 2017. Pertumbuhan dan prospek pertumbuhan bagi jangka pendek bertambah baik di *European Union* dan Jepun. Bagi Asia, perkembangan ekonomi China masih bertahan menghampiri tren, manakala prestasi ekonomi India pula bertambah baik dengan penurunan kadar inflasi.
2. Keyakinan para pelabur juga telah semakin meningkat dalam pasaran kewangan berdasarkan kepada persekitaran dasar monetari yang akomodatif sekaligus mewujudkan prospek pertumbuhan ekonomi yang positif dalam tempoh jangka masa pendek. Harga-harga komoditi telah pulih tetapi masih di bawah paras tertinggi. Harga minyak mentah adalah pada tahap sederhana disebabkan oleh perkembangan inventori minyak mentah dan kedinamikan bekalan di kalangan negara-negara OPEC dan bukan OPEC. Lebihan bekalan pasaran LNG yang berterusan dan penetapan harga LNG yang lebih fleksibel terus memberikan tekanan pada harga LNG yang masih menurun pada jangka sederhana. Peningkatan pertumbuhan ekonomi global akan menyokong permintaan terhadap komoditi, walaupun pada masa ini keadaan bekalan adalah pemacu utama untuk perubahan harga komoditi.
3. Federal Reserve telah mula menormalisasikan dasar monetari, dan European Central Bank, Bank of Japan dan Bank of England juga dijangka akan menormalisasikan dasar monetari. Kebanyakan bank-bank pusat ekonomi-

ekonomi membangun pula telah mengekalkan dasar monetari atau mula menaikkan kadar dasar secara berperingkat-peringkat.

4. Risiko utama ekonomi jangka masa pendek adalah berkaitan dengan kesan normalisasi dasar monetari terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi dan penilaian-penilaian aset. Bank-bank pusat mungkin menghadapi situasi yang amat rumit untuk menangani kenaikan kadar inflasi, dengan mengambilkira impak kenaikan kadar faedah ke atas tahap keberhutangan yang tinggi di sektor korporat, kerajaan, dan isi rumah. Kesalinghubungan pasaran kewangan global akan menyebabkan risiko yang timbul dari ekonomi maju dan ekonomi sedang membangun tersebar kepada ekonomi-ekonomi kecil dan terbuka.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

5. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap telah menurun pada suku terakhir tahun 2016 sebanyak 3.6% berbanding dengan suku terakhir tahun 2015. Ini disebabkan oleh penurunan penghasilan sebanyak 6.1% tahun-ke-tahun dalam sektor Minyak dan Gas. Walau bagaimanapun, data ekonomi terkini menunjukkan bahawa ekonomi domestik telah meningkat sedikit sejak awal tahun 2017. Dalam tempoh lima bulan pertama 2017, nilai eksport telah meningkat sebanyak 12.4% tahun-ke-tahun berikutan meningkatnya harga minyak mentah.
6. Purata Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2017 telah menurun 0.4% tahun-ke-tahun. IHP bagi Jun 2017 menurun 0.3% berbanding dengan Jun 2016. Tekanan inflasi domestik masih lemah dengan aktiviti ekonomi yang lemah dan lebihan pembekalan dalam pasaran perumahan. Harga barangan import telah menurun dalam lima bulan yang pertama tahun ini walaupun inflasi global meningkat, termasuk harga makanan, dan harga minyak yang semakin stabil. Secara keseluruhan, AMBD menjangkakan kadar inflasi domestik pada tahun 2017 berada dalam lingkungan -1.1% ke -0.1%.

7. Kerajaan Negara Brunei Darussalam sepertimana tahun-tahun yang sudah, akan mengamalkan dasar fiskal yang berhemat yang mendukung pertumbuhan ekonomi dan terus meningkatkan pembangunan produktiviti negara; di samping menghadkan impak yang negatif terhadap kestabilan fiskal negara dalam jangka sederhana yang disebabkan oleh penurunan harga hidrokarbon global. Kerajaan juga terus mengutamakan reformasi-reformasi ekonomi melalui pembangunan-pembangunan kluster serta menggalakkan penarikan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dengan pendekatan yang sistematik dan teratur, bagi merangsang pertumbuhan ekonomi secara mampan termasuk industri hiliran dan industri bukan minyak dan gas.
8. Kerajaan juga akan terus menyokong serta menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk menembusi pasaran-pasaran serantau dan antarabangsa dengan mempertingkatkan daya saing keluaran dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Peningkatan produktiviti akan membolehkan mereka menembusi pasaran eksport dan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK serta memperbaiki kedudukan fiskal kerajaan.

Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam

9. Pada Suku Pertama 2017, jumlah aset dan deposit industri perbankan telah menurun masing-masing sebanyak 2.1% tahun-ke-tahun kepada BND17.0 bilion dan 2.8% tahun-ke-tahun kepada BND14.3 bilion. Pinjaman/pembiayaan mencatatkan penurunan sebanyak 14.8% kepada BND5.2 bilion pada Suku Pertama 2017 daripada BND6.1 bilion pada Suku Pertama 2016. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh penyelesaian pinjaman/pembiayaan oleh syarikat korporat besar dan penurunan kredit yang diberikan kepada sektor perniagaan iaitu pembuatan, infrastruktur, telekomunikasi dan teknologi maklumat. Penurunan kredit berkenaan juga berkemungkinan disebabkan oleh terhadnya peluang untuk mengembangkan perniagaan yang sedia ada mahupun yang baru. Dalam pada itu, penurunan

deposit adalah disebabkan oleh penurunan jumlah deposit pelanggan-pelanggan institusi.

10. Kualiti aset industri perbankan telah didapati merosot di mana agregat nisbah pembiayaan tertunggak bersih (*net non-performing loans/financing*) telah meningkat kepada 2.8% pada Suku Pertama 2017 daripada 1.6% pada Suku Pertama 2016; terutamanya dalam sektor perniagaan seperti pembuatan, pengangkutan dan perkhidmatan. AMBD telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan nisbah pembiayaan tertunggak bersih (*net non-performing loans/financing*) yang tinggi yang memerlukan bank-bank mengekalkan tahap peruntukan (*provisioning*) yang tertentu berpandukan kepada piawaian-piawaian antarabangsa.
11. Secara keseluruhan, penunjuk kekukuhan kewangan (*financial soundness indicators*) yang utama bagi industri perbankan berada pada tahap yang baik walaupun dalam persekitaran global yang mencabar. Pada Suku Pertama 2017, *Capital Adequacy Ratio* adalah sebanyak 24.0%, iaitu melebihi keperluan minima 10% seperti yang dikehendaki dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Bank-bank di Negara Brunei Darussalam juga mempunyai tahap kecairan (*liquidity*) yang tinggi dengan nisbah *Liquid Asset to Total Asset* sebanyak 48.9% pada Suku Pertama 2017. Manakala, penunjuk agregat nisbah *Return on Assets* dan *Return on Equity* adalah masing-masing sebanyak 0.9% dan 5.3% pada Suku Pertama 2017.
12. AMBD secara berterusan mengkaji semula peraturan dan persekitaran regulatori bagi menyediakan landskap sektor kewangan yang kondusif. Salah satu daripada inisiatif-inisiatif ini ialah pindaan terhadap Notis (Mac 2013) mengenai Peraturan Kadar Pembiayaan dan Simpanan yang dikeluarkan kepada semua bank berlesen dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) pada 12 Mei 2017. Pindaan ini telah membatalkan kebanyakan peraturan terhadap beberapa kadar pinjaman/pembiayaan dan juga kadar simpanan tetap. AMBD sedang membangunkan dan menaiktaraf rangka kerja

perundangan dan pengawalseliaan sejajar dengan piawaian dan amalan-amalan terbaik antarabangsa. Pada Suku Pertama 2017, AMBD telah melaksanakan Basel II Pillar 1 *Capital Adequacy framework* dan komponen-komponen yang lain pula akan dilancarkan secara berfasa.

13. Brunei Darussalam kekal komited kepada Lembaga Matawang (*Currency Board Arrangement*), dan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang dengan Singapura. Ini telah turut menyerlahkan kredibiliti dan keyakinan kepada dasar monetari Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam terus mendapat manfaat daripada kadar inflasi dalam negeri yang rendah dan berkeyakinan tinggi dalam memelihara kestabilan makroekonomi negara secara berterusan.
14. AMBD dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya akan terus meningkatkan keupayaan dasar dan regulatori. AMBD juga akan menyumbang ke arah mencapai aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat kewangan Islam yang bereputasi tinggi.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri
Food and Agriculture Organization of the United Nations